



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PELAKSANAAN WAKAF TUNAI DI PERBADANAN WAKAF SELANGOR

AHMAD RIJALLUDDIN BIN MOHD RAMLI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (SYARIAH)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PELAKSANAAN WAKAF TUNAI DI PERBADANAN WAKAF SELANGOR

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti punca perselisihan pendapat ulama tentang hukum wakaf tunai dan mengetengahkan kaedah yang digunakan oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) semasa mengutip dana wakaf tunai. Antara tujuan lain kajian ini ialah untuk menilai pelaksanaan wakaf tunai yang diamalkan oleh Perbadanan Wakaf Selangor sama ada ianya selari dengan pandangan para ulama. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen dengan merujuk sumber-sumber primer dan sekunder. Data dianalisis menggunakan metod deduktif, induktif dan perbandingan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa punca perselisihan pendapat tentang hukum wakaf tunai adalah disebabkan oleh kepelbagaian pendapat ulama berkaitan hukum keharusan wakaf harta alih. Dapatan kajian mendapati Perbadanan Wakaf Selangor telah melaksanakan kutipan dana wakaf tunai bertepatan dengan pandangan para ulama. Namun, pihak perbadanan menggunakan dana wakaf tunai secara berlebihan melalui Klinik Bergerak Wakaf Selangor Muamalat dan menyewa kapal terbang bagi Wakaf Airlines. Kesimpulan kajian menunjukkan hukum wakaf tunai adalah harus dan bertepatan dengan *maqasid syariah*. Justeru, pelaksanaannya perlu diperkembangkan di pelbagai peringkat perbadanan wakaf di seluruh negara. Perbadanan Wakaf Selangor disaran agar mewujudkan panduan pelaksanaan produk-produk yang ditawarkan khususnya Wakaf Seni.



THE IMPLEMENTATION OF CASH WAQF IN SELANGOR WAQF CORPORATION

ABSTRACT

The objective of this study is to identify the causes of disputes among jurists concerning the practice of cash *waqf* in Selangor Waqf Corporation and to highlight the method used in collecting the fund for this cash *waqf*. The other objective of this study is to analyze the implementation of the cash *waqf*, and identify whether it is carried out in parallel with scholars point of views. The data is collected through library research, as well as the analysis of various documents. The data is analyzed by both deductive and inductive methods, as well as comparison method. The findings show that the main reason for the jurists inconsistent views concerning this practice mostly stems from the existence of different schools of jurisprudence and different opinions regarding the establishment of valid *waqf* for moveable assets. The study also finds that the Selangor Waqf Corporation's collection is adherent to the views of Islamic jurists rulings. However, it should be noted that the research also identifies that the corporation has utilized the fund excessively for Klinik Bergerak Wakaf Selangor Muamalat (Mobile Clinic), and for the rental payments of Wakaf Airlines. The study concludes that the cash *waqf* is permissible with the *maqasid syariah* (the objectives of syariah). For that reason, its implementation should be further expanded in this country. It is thus suggested that the Selangor Waqf Corporation establish a clear implementation guideline for all the products it offers especially for Wakaf Seni.



KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	6
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Matlamat Kajian	8
1.6 Objektif Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.8 Batasan Kajian	13
1.9 Sorotan Kajian Lepas	14
1.10 Skop Kajian	21
1.11 Metodologi Kajian	22
1.11.1 Metod Pengumpulan Data	22
1.11.2 Metod Analisis Data	23
1.12 Susunan Kajian	23
1.13 Rumusan	25
BAB 2 HUKUM WAKAF MENURUT PERBAHASAN ULAMA	27
2.1 Pendahuluan	27

2.2	Definisi Wakaf	27
2.2.1	Definisi Bahasa	28
2.2.2	Definisi Istilah	28
2.2.3	Analisis Definisi	32
2.2.4	Definisi Pilihan	32
2.3	Dalil Pensyariatan Wakaf	33
2.3.1	Dalil Al-Quran	35
2.3.2	Dalil Sunnah	37
2.3.3	Dalil Ijmak Sahabat	41
2.3.4	Hikmah Wakaf	43
2.4	Rukun Dan Syarat Wakaf	44
2.4.1	Pewakaf (<i>Waqif</i>)	47
2.4.2	Harta (<i>Mawquf</i>)	50
2.4.3	Penerima Wakaf (<i>Mawquf 'Alaih</i>)	55
2.4.4	Lafaz <i>Sighah</i>	56
2.5	Jenis-Jenis Wakaf	59
2.5.1	Tujuan Wakaf	59
2.5.1.1	Wakaf <i>Khairi</i>	59
2.5.1.2	Wakaf <i>Zurri</i>	59
2.5.1.3	Wakaf <i>Musytarak</i>	59
2.5.2	Jenis Wakaf Dari Sudut Tempoh	60
2.5.2.1	Wakaf Kekal	60
2.5.2.2	Wakaf Sementara	60
2.5.3	Tempat Atau Kedudukan Wakaf	60
2.5.3.1	Wakaf Tak Alih (<i>Ghairu Manqul</i>)	60

2.5.3.2	Wakaf Alih (<i>Manqul</i>)	60
2.6	Pemilikan Harta Wakaf	64
2.6.1	Pendapat Ulama Tentang Pemilikan Harta Wakaf	64
2.6.2	Pendapat Yang Rajih	67
2.7	Wakaf Tunai	68
2.7.1	Definisi Wakf Tunai Dari Sudut Bahasa	68
2.7.2	Definisi Wakaf Tunai Dari Sudut Istilah	70
2.7.3	Analisis Definisi	70
2.7.4	Definisi Pilihan	80
2.7.5	Pensyariatan Wakaf Tunai	82
2.7.5.1	Dalil Al-Quran	82
2.7.5.2	Dalil Sunnah	86
2.7.5.3	Dalil Ijmak Ulama	87
2.7.6	Sejarah Wakaf Dan Wakaf Tunai	88
2.7.7	Kelebihan Wakaf Tunai	95
2.7.8	Pandangan Ulama Tentang Hukum Wakaf Tunai	96
2.7.8.1	Pandangan Ulama Yang Tidak Mengharuskan Wakaf Tunai	97
2.7.8.2	Dalil Bagi Ulama Yang Tidak Mengharuskan Wakaf Tunai	100
2.7.8.3	Pandangan Ulama Yang Memakruhkan Wakaf Tunai	101
2.7.8.4	Dalil Bagi Ulama Yang Memakruhkan Wakaf Tunai	101
2.7.8.5	Pandangan Ulama Yang Mengharuskan Wakaf Tunai	102
2.7.8.6	Dalil Bagi Ulama Yang Mengharuskan Wakaf Tunai	106
2.7.9	Pendapat Yang Rajih Tentang Hukum Wakaf Tunai	108
2.7.10	Jenis-jenis Wakaf Tunai	112
2.7.10.1	Wakaf Produktif	112

2.7.10.2	Wakaf Saham	113
2.7.10.3	Wakaf Sukuk Atau Bon	113
2.7.10.4	Wakaf Emas	114
2.7.10.5	Wakaf Dinar Emas	115
2.7.10.6	Wakaf Wasiat	115
2.7.10.7	Wakaf Takaful	115
2.7.10.8	Wakaf Tunai Di Tempat-tempat Pelaburan	116
2.7.10.9	Wakaf Pendapatan Tunai Daripada Harta Yang Tidak Diwakafkan	117
2.7.10.10	Wakaf Dana Simpanan Syarikat	117
2.8	Rumusan	118

BAB 3 PERBADANAN WAKAF SELANGOR (PWS)

3.1	Pendahuluan	119
3.2	Latar Belakang Penubuhan Perbadanan Wakaf Selangor	119
3.3	Punca Kuasa Perbadanan Wakaf Selangor	121
3.4	Objektif Perbadanan Wakaf Selangor	122
3.5	Peranan Perbadanan Wakaf Selangor	123
3.6	Carta Organisasi Perbadanan Wakaf Selangor	124
3.6.1	Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Wakaf Selangor	124
3.6.2	Bahagian Pengurusan	125
3.7	Jenis-jenis Wakaf di Perbadanan Wakaf Selangor	130

3.8 Produk-produk Wakaf Tunai Yang Diuruskan Oleh Perbadanan Wakaf Selangor

3.8.1 Wakaf Khas 132

3.8.2 Wakaf Harta Tak Alih 133

3.8.3 Wakaf Selangor Muamalat 1134

3.8.4 Saham Wakaf Selangor 136

3.8.5 Skim Infak 137

3.8.6 Wakaf Seni 138

3.8.7 Wakaf Ilmu 140

3.8.8 Perpustakaan Wakaf, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) 144

3.8.9 Wakaf Kapal Terbang 144

3.8.10 Wakaf Secara Wasiat 145

3.8.11 Takaful Wakaf 146

3.8.12 Wakaf *Taklik* 147

3.8.13 Wakaf *Airlines* 148

3.8.14 Wakaf Emas 149

3.9 Kaedah-Kaedah Kutipan Dana Wakaf Tunai Di Perbadanan
Wakaf Selangor 150

3.10 Jumlah Kutipan Wakaf Tunai Mengikut Tahun Semasa 152

3.10.1	Jumlah Kutipan Wakaf Am (Saham Wakaf Selangor)	152
3.10.2	Jumlah Kutipan Wakaf Khas	152
3.10.3	Jumlah Kutipan Manfaat Wakaf	153
3.11	Projek-Projek Pembangunan Wakaf Tunai Di Perbadanan Wakaf Selangor	153
3.11.1	Projek-Projek Wakaf Yang Telah Dilaksanakan	153
3.11.2	Projek-Projek Wakaf Yang Sedang Dalam Pembinaan	154
3.11.3	Projek-Projek Penambahbaikan	155
3.12	Agihan Dana Wakaf Tunai di Perbadanan Wakaf Selangor	155
3.12.1	Agihan Sumbangan Wakaf	155
3.12.1.1	Wakaf Am	157
3.12.1.2	Wakaf Khas	157
3.12.2	Agihan Wakaf Manfaat	159
3.13	Rumusan	161

BAB 4 ANALISIS PELAKSANAAN WAKAF TUNAI DI PERBADANAN WAKAF SELANGOR 163

4.1	Pengenalan	163
4.2	Analisis Kaedah Kutipan Dana Wakaf Tunai Di Perbadanan Wakaf Selangor	164
4.3	Analisis Produk-Produk Wakaf Tunai	169
4.3.1	Wakaf Khas	169

4.3.2	Wakaf Selangor Muamalat	170
4.3.3	Saham Wakaf Selangor	173
4.3.4	Skim Infak	173
4.3.5	Wakaf Seni	174
4.3.6	Wakaf Ilmu	176
4.3.7	Wakaf Kapal Terbang	177
4.3.8	Wakaf Secara Wasiat	177
4.3.9	Takaful Wakaf	178
4.3.10	Wakaf Ta'liq	178
4.3.11	<i>Waqf Airlines</i>	179
4.3.12	Wakaf Emas	180
4.4	Analisis Agihan Dana Wakaf Tunai Di Perbadanan Wakaf Selangor	183
4.5	Rumusan	185
BAB 5:	KESIMPULAN DAN CADANGAN	188
5.1	Pengenalan	188
5.2	Kesimpulan Kajian	188
5.3	Cabaran Dan Halangan Melaksanakan Wakaf Tunai	189
5.4	Cadangan	190

5.4.1	Cadangan Kaedah Kutipan Dana Wakaf Tunai Di Perbadanan Wakaf Selangor	190
5.4.2	Cadangan Agihan Dana Wakaf Tunai Di Perbadanan Wakaf Selangor	191
5.4.3	Cadangan Kajian Lanjutan	192
5.4.4	Cadangan Umum	192
5.5	Rumusan	194
	RUJUKAN	197

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Jumlah Kutipan Wakaf Am (Saham Wakaf Selangor)	152
3.2 Jumlah Kutipan Wakaf Khas	152
3.3 Hasil Kutipan Wakaf	153
3.4 Wakaf Am	157
3.5 Agihan Sumbangan Wakaf Khas	158
3.6 Agihan Manfaat Sewaan Bazar	160
3.7 Agihan Manfaat Sewaan Premis	160
3.8 Agihan Manfaat Sewaan Tanah	161
4.1 Perbezaan Antara Wakaf Dan Zakat Dalam Islam	186

SENARAI SINGKATAN

AAOIFI Auditing Organization for Islamic Financial Institution

AIM Amanah Ikhtiar Malaysia

JAKIM Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

JAWHAR Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

JHEAINS Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

JPB Jawatankuasa Pengurusan Bersama

LZS Lembaga Zakat Selangor

MAIAMP Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak

MAIS Majlis Agama Islam Selangor

MUI Majelis Ulama Indonesia

PITAS Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Selangor

PWS Perbadanan Wakaf Selangor

YWM Yayasan Wakaf Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

- A Halaman Judul
- B Perakuan Keaslian
- C Borang Pengesahan Status Disertasi/Tesis
- D Halaman Penghargaan
- E Halaman Abstrak
- F Halaman *Abstract*
- G Halaman Kandungan
- H Halaman Senarai Jadual
- I Halaman Senarai Singkatan



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Wakaf merupakan amalan yang telah lama dipraktikkan sejak zaman Nabi Muhammad S.A.W lagi. Antara wakaf terawal dalam Islam ialah wakaf sebidang tanah yang didirikan Masjid Quba' di Madinah. Selain daripada itu, wakaf universiti yang terkenal iaitu di Universiti al-Azhar Mesir dan Universiti Cordova Sepanyol. Wakaf hospital pula iaitu Hospital al-Noori di Damsyik dan banyak lagi.¹

Wakaf tunai ialah berwakaf dengan menggunakan wang tunai yang dikumpul di dalam tabung amanah di bawah pengurusan Nazir yang diamanahkan untuk

¹ Muhammad Sofiyuddin Zakaria & Mohd Zamro Muda (2015). *Pelaksanaan Wakaf Tunai di Malaysia: Satu Sorotan Literatur*, Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, h.1.





menguruskan wakaf ini bagi tujuan kebajikan dan manfaat ummah. Para ulama di zaman silam telah menggunakan istilah wakaf *ad-darahim* atau wakaf *ad-danaanir* iaitu wakaf menggunakan wang dirham atau dinar dalam kehidupan mereka. Secara umum wakaf tunai ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengumpulkan dana daripada kalangan umat Islam yang kemudiannya dapat dimanfaatkan bagi kepentingan pembangunan ummah. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Kuala Terengganu telah memutuskan bahawa berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan dalam Islam. Imam Az-Zuhri, seorang ulama terkenal dalam ilmu hadith, telah memfatwakan bahawa berwakaf dalam bentuk dinar dan dirham (wang tunai) adalah diharuskan bagi tujuan berdakwah, kebajikan ummah dan pendidikan umat Islam.²



Wakaf tunai berbeza dengan sedekah wang tunai. Sedekah wang tunai, pihak penerima boleh membelanjakan duit tersebut secara langsung kepada orang yang berhak. Ada pun dari sudut wakaf tunai, pihak yang disertai duit iaitu nazir tidak boleh terus membahagikan duit itu kepada orang yang berhak. Nazir harus mengelola duit itu, lalu keuntungan dari pengelolaan dibahagikan kepada pihak yang berhak. Dengan demikian, wang wakaf tunai akan tetap kukuh, sementara keuntungannya diharapkan terus mengalir kepada orang-orang yang memerlukan. Pahala bagi orang

² Shahril Rizal. (Julai 2009). Wakaf Secara Tunai. *Dewan masyarakat*, h. 48.





yang mewakafkan wang pun akan terus mengalir meskipun mereka sudah meninggal dunia.³

Sejak akhir-akhir ini, amalan wakaf tunai dikenali melalui iklan-iklan di radio dan televisyen bagi menarik minat pewakaf bagi pelbagai tujuan. Dalam kajian ini akan membahaskan tentang pendapat ulama mengenai hukum melaksanakan wakaf tunai dalam Islam. Mereka mempunyai berbagai-bagai pandangan mengikut mazhab masing-masing. Ada antara mereka yang tidak mengharuskan amalan wakaf tunai dan ada sebahagian lain yang mengharuskan kerana faktor uruf. Di samping itu juga, kajian akan menfokuskan tentang pelaksanaan amalan ini di Perbadanan Wakaf Selangor yang terletak di Shah Alam, Selangor. Perbadanan ini dipilih kerana telah



melaksanakan banyak projek di sekitar negeri selangor menggunakan sumber dana wakaf tunai yang dikumpul. Maka, kajian ini akan menilai sejauh mana pelaksanaannya menepati pendapat para ulama, iaitu daripada pengumpulan dana wakaf tunai sehingga aktiviti pengagihannya kepada masyarakat.

1.2 Latar Belakang Kajian

Antara amalan terpuji dan mulia dalam Islam ialah menginfakkan sebahagian harta bagi tujuan kebaikan yang berpanjangan. Amalan ini dinamakan wakaf. Amalan wakaf telah dikenal pasti sejak zaman Nabi S.A.W iaitu pembinaan Masjid Quba' di

³ Majlis Agama Islam Negeri Johor. *Konsep Wakaf Tunai*. Diambil dari http://www.majj.gov.my/?page_id=439



atas sebidang tanah yang diwakafkan semasa peristiwa hijrah.⁴ Selepas itu, amalan ini telah diikuti oleh sebahagian sahabat yang lain. Antara amalan wakaf yang terkenal pada zaman sahabat ialah wakaf Sayidina Umar yang mewakafkan sebidang tanahnya di *Khaibar* dan wakaf Sayidina Uthman yang mewakafkan telaga *Roma* untuk kegunaan orang ramai.⁵ Selain daripada wakaf tersebut, amalan wakaf tunai amat terkenal di negara turki sejak beratus-ratus tahun yang lalu. Mulai penghujung abad ke-15 hingga abad ke-18, wakaf tunai berkembang dengan pesat di Turki semasa zaman pemerintahan Uthmaniyyah (Turki) di mana amalan wakaf tunai telah berjaya meringankan perbelanjaan kerajaan dalam menyediakan kemudahan perkhidmatan pendidikan, kesihatan, perbandaran dan sebagainya kepada masyarakat. Penerimaan dan penglibatan masyarakat di dalam wakaf tunai membantu empayar Uthmaniyyah berkembang kerana dana wakaf tunai telah digunakan sebagai pelengkap (complementary) kepada usaha-usaha pembangunan oleh kerajaan.⁶

Bagi amalan wakaf tunai di Malaysia pula, ia mula dikesan sejak tahun 1959 lagi. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIAMP) pada hakikatnya telah melaksanakan wakaf tunai dengan pengendalian oleh Lembaga Amanah Masjid Negeri Perak dalam bentuk wang tunai. Peruntukan *statutory* mengenainya telah lama disempurnakan dibawah Peraturan 18(2), Peratoran Kawalan Waqaf 1959 bahawa: Jawatankuasa Kawalan Waqaf Negeri bolehlah menerima wang tunai daripada siapa-

⁴ Muhammad Sofiyuddin Zakaria & Mohd Zamro Muda (2015). *Op.cit.* h. 1.

⁵ Muhd Ramadhan Fitri Ellias, Ahmad Firdaus Kadir dan Muhamad Nasir Haron, *Parameter Syariah Untuk Wakaf Tunai*, Bahagian Pengurusan Syariah, Maybank Islamic Berhad.

⁶ Yayasan Wakaf Malaysia. (2013). *Wakaf Tunai Malaysia*. Diambil pada Mac 2014, dari <https://www.ywm.gov.my/wakaf/tunai>



siapa yang berhajat hendak mewaqfkan bagi faedah am dengan mengisi satu borang yang ditetapkan baginya.⁷

Sejak daripada tahun tersebut, amalan wakaf tunai telah berkembang di setiap negeri di negara ini. Namun, sejak akhir-akhir ini kajian mengenainya telah banyak dilakukan.

Perbezaan Wakaf, *Wakalah*, *Ijarah* dan Wasiat.

Pengertian dan tujuan wakaf telah diterangkan seperti di atas. Walau bagaimana pun, ia mempunyai perbezaan dengan amalan *wakalah* dan *ijarah*.



Maksud *wakalah* adalah menyerahkan sesuatu urusan kepada orang lain iaitu urusan-urusan yang dibenarkan oleh syarak, kerana kadang-kadang manusia tidak mampu melakukan semua keperluannya.⁸ Contoh bagi urusan *wakalah* ialah seperti haji, umrah, jual dan beli dan sebagainya. Tujuan *wakalah* pula ialah apabila seseorang itu memerlukan bantuan orang lain kerana dia tidak mampu buat sesuatu urusan, maka dia boleh melantik seseorang untuk mewakili dirinya. Selain daripada itu, dia juga dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada orang lain. Walau pun konsep *wakalah* salah satu daripada urusan yang ada di dalam wakaf, perlu diketahui bahawa *wakalah* tidak bertujuan untuk menyerahkan terus sesuatu barang kepada orang lain dan ia juga tidak bertujuan bagi mendapat keredhaan Allah S.W.T.

⁷ Mahamood, Siti Mashitoh (2007). *Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah Dan Undang-Undang Serta Aplikasinya di Malaysia*. Jurnal Syariah, h. 70.

⁸ Wahbah Zuhaili (1985). *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu*, Damsyik: Darul Fikr, Juz 8, h. 155.





Amalan lain yang perlu dibezakan dengan wakaf ialah amalan *ijarah*. *Ijarah* bermaksud memiliki manfaat dengan pertukaran. Ia berbeza dengan urusan jual beli kerana *ijarah* tidak bertujuan memiliki hak milik barang.⁹ Ia bertujuan untuk mendapat khidmat atau manfaat yang boleh dibayar dan dihalalkan dengan barang tertentu. Contoh bagi urusan ini ialah bangunan, tenaga buruh, rumah, hotel dan sebagainya. Urusan *ijarah* berbeza dengan wakaf kerana *ijarah* berbentuk sementara dan ia perlu dibayar bagi mendapatkan manfaatnya.

Bagi urusan wasiat pula, ia bermaksud pesan yang diberikan oleh seseorang sebelum dia meninggal dunia tentang sesuatu yang baik, yang harus dilaksanakan atau dijalankan sesudah ia meninggal dunia. Hukumnya adalah harus jika ia ditujukan kepada fakir miskin, masjid, sekolah, hospital, perpustakaan dan sebagainya.¹⁰



1.3 Permasalahan Kajian

Sepanjang penelitian pengkaji, wujud beberapa isu berkaitan dengan tajuk wakaf tunai. Di antaranya ialah wujud perselisihan pendapat ulama tentang hukum wakaf tunai dalam Islam. Ada sebahagian ulama mazhab yang mengharuskannya dan ada sebahagian lain yang tidak mengharuskannya. Hal ini berlaku kerana berbeza dalam memahami nas-nas al-Quran dan hadith Nabi S.A.W.

⁹ Rafik Yunus Al-Misri (2012). *Fiqh Al-Muamalat Al-Maaliah*, Damsyik: Darul Qalam, Cetakan keempat, h. 198.

¹⁰ *Ibid*, h. 189.





Di samping itu juga, pengkaji telah menemubual pegawai Perbadanan Wakaf Selangor. Hasil daripada pertemuan itu terdapat beberapa isu yang boleh diketengahkan dan diteliti. Antara isu-isu yang ingin dikaji ialah terdapat isu kaedah yang digunakan semasa mengutip dana tidak menepati syarak. Ada antara dana yang dikutip daripada pemberian orang ramai yang tidak diketahui *pewaqifnya*. Mereka hanya menyalurkan dana melalui mesin CDM (*cash deposit machine*) tanpa memberitahu tujuannya.¹¹

Selain daripada itu, ada isu lain yang menarik minat pengkaji iaitu isu penggunaan dana wakaf tunai pada perkara yang bukan dalam pembelian aset kekal. Pembelian yang telah dibuat ialah pada bayaran kos operasi dan penyelenggaraan kenderaan Klinik Bergerak oleh pihak Bank Muamalat yang melaksanakan Wakaf Selangor Muamalat di bawah penyeliaan Perbadanan Wakaf Selangor.¹² Sebagai bukti, satu fatwa berkenaan isu ini telah dikeluarkan pada bulan Julai 2014. Tajuk fatwa yang diwartakan itu ialah Hukum Menggunakan Dana Wakaf Tunai Wakaf Selangor Muamalat Bagi Membiayai Kos Operasi Dan Kos Penyelenggaraan Aset Wakaf.¹³ Pada pandangan pengkaji, walau pun fatwa ini khas untuk Wakaf Selangor Muamalat, ia masih tidak menepati syarat-syarat wakaf yang telah sekian lama termaktub dalam buku-buku fiqah dan Enakmen Wakaf Selangor sendiri. Kajian ini juga akan meneliti dari sudut manfaat kenderaan tersebut kepada orang ramai. Ia amat penting kerana kos operasi dan kos penyelenggaraannya yang sangat mahal dan perlu diberi pertimbangan semula sebelum meneruskan operasinya.

¹¹ Temubual Mohd Nasoha bin Jaiman, Pegawai Pemasaran Perbadanan Wakaf Selangor pada 26 Okt 2015.

¹² Temubual dengan Pn. Raqeeah binti Mohamed, Pegawai Bahagian Kewangan di Perbadanan Wakaf Selangor pada 28 Okt 2015.

¹³ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, *Fatwa Hukum Menggunakan Dana Wakaf Tunai Wakaf Selangor Muamalat Bagi Membiayai Kos Operasi Dan Kos Penyelenggaraan Aset Wakaf*, 17 Julai 2014.





1.4 Persoalan Kajian

Hasil daripada pemerhatian, wujud beberapa persoalan yang timbul dalam kajian ini:

- 1.4.1 Apakah faktor ulama berselisih pendapat tentang hukum wakaf tunai?
- 1.4.2 Apakah kaedah yang digunakan oleh Perbadanan Wakaf Selangor dalam mengumpulkan dan mengagihkan dana wakaf tunai?
- 1.4.3 Sejauh manakah pelaksanaan wakaf tunai di Perbadanan Wakaf Selangor mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh para ulama?



1.5 Matlamat Kajian

Secara umum, kajian ini bertujuan untuk mengkaji hukum wakaf tunai dan isu-isu pengurusan wakaf tunai yang wujud di Perbadanan Wakaf Selangor. Ia merupakan kajian rintis yang pernah diadakan seumpama ini di Perbadanan Wakaf Selangor.

Sepanjang kajian ini diadakan kelak, pihak pengkaji berharap agar dapat meneliti isu-isu pengurusan yang boleh diperbaiki dan diatasi. Berdasarkan temubual pengkaji dengan Pegawai Pemasaran di perbadanan tersebut, ada beberapa isu penting yang sering berlaku di perbadanan ini sebagai mana yang telah disebutkan di bahagian Permasalahan Kajian di atas. Pihak perbadanan ini juga berharap hasil kajian wakaf tunai ini akan dikongsikan bersama dengan pihak Perbadanan Wakaf Selangor kerana





mereka mahu lihat hasil kajian ini untuk dijadikan rujukan dan panduan. Lantaran itu, kajian ini diharap dapat mencadangkan kaedah penyelesaian bagi permasalahan yang wujud bagi melancarkan pengurusan wakaf tunai dan lebih berkesan.

1.6 Objektif Kajian

Fokus kajian wakaf tunai ini adalah untuk mencapai objektif-objektif yang berikut:

1.6.1 Mengenal pasti faktor perselisihan pendapat ulama tentang hukum wakaf tunai.

1.6.2 Menilai kaedah yang digunakan oleh pihak Perbadanan Wakaf Selangor dalam mengumpulkan dana wakaf tunai.

1.6.3 Menilai pelaksanaan wakaf tunai di Perbadanan Wakaf Selangor menurut pandangan ulama.

1.7 Kepentingan Kajian

Secara umum, kajian terhadap amalan wakaf amat penting di saat keadaan ekonomi yang memberikan tekanan kepada banyak pihak. Sejak akhir-akhir ini, banyak institusi pengajian tinggi memperbanyakkan kajian-kajian mereka dalam bidang wakaf tunai supaya ia dapat dilaksanakan dan memberi manfaat dalam bidang pendidikan tinggi.





Melalui kepentingan kajian, ia dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu sumbangan kajian dan siapakah pihak yang menerima faedah daripada kajian ini. Tajuk kajian wakaf tunai ini selari dengan isu dan keperluan semasa yang sedang dilalui oleh masyarakat Islam di Malaysia. Secara tidak langsung kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada pihak tertentu.

Antara sumbangan kajian ini ialah ia dapat mengetengahkan isu-isu penting yang berlaku dalam bidang wakaf tunai. Banyak kajian ketengahkan isu pengurusan wakaf tetapi bukan dalam bidang wakaf tunai. Selain daripada itu, kajian ini menerangkan contoh-contoh produk wakaf tunai yang dilaksanakan di negara ini. Banyak produk wakaf tunai yang dilaksanakan di Perbadanan Wakaf Selangor dan ramai orang tidak mengetahui tentangnya. Ia bagus jika dikongsikan bersama pembaca-pembaca kerana dapat meluaskan pandangan mereka tentang amalan wakaf tunai. Di samping itu juga, perbadanan ini telah melaksanakan projek-projek daripada dana wakaf tunai yang mereka kumpulkan. Berdasarkan laporan tahunan bagi projek di perbadanan ini, maka dapat diketahui bahawa amalan wakaf tunai sedang membangun seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Banyak bangunan, rumah kedai, rumah kediaman, masjid, universiti, sekolah dan sebagainya di Selangor adalah hasil daripada produk wakaf tunai. Tetapi ia tidak diketahui umum terutamanya penduduk di negeri Selangor. Melalui produk-produk dan projek-projek yang dilaksanakan ini, ia dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya amalan wakaf tunai dalam Islam.

Selain daripada itu, ada pihak-pihak yang akan menerima faedah daripada penulisan kajian ini. Terutamanya kepada diri pengkaji sendiri yang melibatkan diri

